

# Buletin

ACIS

Jamadilawal - Jamadilakhir 1443/ Januari 2022

# DIPLOMASI DI ERA NABI MUHAMMAD SAW

eISSN 2600-8289



9 7 7 2 6 0 0 8 2 8 0 0 1

## Pengantar Redaksi

# Buletin ACIS

### SIDANG REDAKSI

#### Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin  
(Rektor)

#### Penasihat:

Hisam Satari  
(Ketua Pusat Pengajian ACIS)

#### Editor:

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah  
Nasif Sidquee Pauzi  
Nur Sofiah binti Suhaimi

#### Sidang Pengarang:

Normaisarah binti Othman  
Nur Izzatie binti Mohd Shair &  
Nurul Nisha binti Mohd Shah  
Mod Hidayat bin Mahadi

#### Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Seremban  
Persiaran Seremban Tiga/1  
70300 Seremban 3,  
Negeri Sembilan

Berminat untuk menerbitkan  
artikel akademik atau apa-apa  
hasil karya?

Hantarkan ke  
[buletinacisnsdk@gmail.com](mailto:buletinacisnsdk@gmail.com)

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca budiman sekalian, Alhamdulillah Buletin ACIS siri ke-38 yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan ini adalah "*Diplomasi di Era Nabi Muhammad SAW*". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

### Isi Kandungan

Diplomasi di Era Nabi Muhammad SAW 3

Mahasiswa Perlu Lebih Berintegriti  
Sewaktu Sesi ODL 6

Sumbangan Syeikh Tahir Jalaluddin Dalam  
Reformasi Islam Di Malaysia 7

Generasi Muda Mendepani  
Cabar COVID-19 9

## HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan  
sebulan sekali



<https://www.facebook.com/ACISN9>

# Diplomasi di Era NABI MUHAMMAD SAW

Oleh: Normaisarah binti Othman

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari. UiTM Cawangan Negeri Sembilan

## PENGENALAN

Dalam buku yang dikarang oleh Michael H. Hart (1992) iaitu The 100: A Ranking of the Most Influential Persons in History meletakkan Nabi Muhammad SAW sebagai tokoh pertama yang paling berpengaruh dalam sejarah manusia. Penulisannya mengejutkan sebahagian orang dan sebilangan pihak mempersoalkan keputusannya itu. Bagi Hart (1992), pemilihannya ke atas Muhammad SAW sebagai tokoh yang paling berpengaruh dalam sejarah berbanding Jesus dan Moses merupakan keputusan yang kekal dan tidak akan berubah. Beliau berpendapat Nabi Muhammad SAW merupakan sosok yang berjaya dan cemerlang dalam lapangan agama dan sekular (pemerintahan). Sepanjang pemerhatian dan pengkajian yang dilakukan, Nabi Muhammad SAW didakwa sebagai pengasas agama Islam (tanggapan beliau) dan ajaran agama ini merupakan di antara yang terbesar yang mempunyai pengikut yang ramai. Selain itu, Hart (1992) turut menegaskan bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan ketua pemimpin politik yang sangat cemerlang. Jika diperhatikan dengan teliti, majoriti tokoh yang disenaraikan dalam 100 orang paling berpengaruh tersebut mempunyai kelebihan dilahirkan dan dibesarkan dalam suasana masyarakat sudah mencapai peradaban yang tinggi tetapi berbeza dengan suasana Nabi Muhammad SAW pada ketika itu iaitu tahun 590 masih yang masih lagi dibelenggu dengan situasi peradaban yang mundur, gelap dan tidak teratur.

Peranan Nabi Muhammad SAW tidak terhad hanya sebagai ketua agama bahkan baginda adalah pemimpin negara, komander perang, hakim, kaunselor, ketua pentadbiran dan negarawan. Sebagai pemimpin negara, baginda berupaya menyebarkan ajaran Islam ke serata pelosok semenanjung Arab dengan pelbagai pendekatan antaranya adalah dengan berdiplomasi. Gaya diplomasi yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW adalah sangat penting kerana mengandungi interaksi yang berkesan, tegas dan sopan. Kebijaksanaan baginda berdiplomatik terserlah antaranya ketika menghantar para diplomat ke pelbagai negara. Pemilihan diplomat, mekanisme yang digunakan, menyambut dan memberi hadiah, penggunaan bahasa asing dan kekebalan (immunities) adalah antara langkah dan strategi Nabi Muhammad SAW berdiplomasi dengan mengajak mereka menerima ajaran Islam justeru perkara ini wajar dikaji dengan lebih mendalam.

Diplomasi bukanlah sesuatu yang asing dalam kehidupan Nabi Muhammad SAW. Jika diteliti dengan mendalam, peristiwa diplomatik pertama yang berlaku dalam kehidupan baginda adalah sebelum baginda diangkat menjadi Rasul lagi iaitu ketika permasalahan perletakan Hajar al Aswad di Kaabah. Setiap kabilah mempertahankan hak masing-masing untuk meletakkan batu terhormat tersebut. Perbalahan dalam kalangan orang Quraisy telah berlanjutan selama berhari-hari dan hampir membawa kepada pembunuhan. Hasil kebijaksanaan Nabi Muhammad SAW yang memberikan cadangan berasas tanpa menyebelahi mana-mana pihak akhirnya berjaya menguruskan perbalahan tersebut

seterusnya mengelakkan daripada berlaku pertumpahan darah.

Selepas Nabi Muhammad SAW dilantik menjadi Rasul, baginda dan umat Islam yang sangat kecil jumlahnya ketika itu berhadapan dengan pelbagai mehnah (ujian) daripada penduduk Mekah sama ada daripada kalangan bangsawan maupun orang awam. Namun demikian, Nabi Muhammad SAW berjaya mendidik para sahabat dengan kesabaran dan melakukan banyak pengorbanan demi memelihara iman dan masa depan Islam. Sepanjang berada di Mekah, pelbagai kaedah digunakan sama ada rundingan atau diplomasi terhadap penguasa, ketua-ketua kabilah dan golongan bangsawan Quraisy dalam mengajak mereka untuk beriman kepada Allah SWT dan Rasul. Dalam peristiwa penghijrahan Nabi Muhammad SAW ke kota Madinah, strategi yang teratur, diplomasi yang damai dan perjanjian yang dilakukan akhirnya terlaksana misi hijrah dengan berjaya dengan penduduk Madinah.

## DEFINISI DIPLOMASI

Menurut kamus Merriam Webster, diplomasi bermaksud seni dan praktis dalam mengendalikan rundingan antara negara. Selain itu, ensiklopedia Britannica menyatakan diplomasi merupakan metode yang akan mempengaruhi keputusan dan tindak-tanduk sesebuah negara melalui dialog, rundingan atau apa sahaja kaedah bagi mengelakkan perperangan dan keganasan. Diplomasi moden yang diamalkan pada hari ini di kebanyakan negara adalah produk yang dilahirkan di zaman pasca-renaissance yang mengikut sistem pemerintahan Eropah. Kini pada abad ke-20, amalan diplomasi yang muncul pada zaman pasca-renaissance tersebut telah diadaptasi di seluruh dunia bahkan bidang diplomasi ini telah berkembang dengan pesat dengan pelbagai kaedah dan metode seperti summit meetings, international conference, *parliamentary diplomacy* dan lain-lain lagi.

Bagi Lord Gore Booth (1997), diplomasi adalah aplikasi kepintaran dan kebijaksanaan dalam menjalankan hubungan rasmi antara kerajaan yang sudah merdeka dan ada beberapa keadaan menjalankan hubungan dengan negara yang merdeka tetapi negara tersebut dikuasai oleh tangan atau kuasa lain dengan maksud dan tujuan untuk mencapai keamanan. Diplomasi juga boleh dianggap sebagai istilah yang diberikan kepada saluran rasmi perhubungan yang digunakan oleh ahli-ahli dalam sesebuah kerajaan dengan menggunakan pakai istilah diplomat atau konsul. Kebiasaan para diplomat atau konsul menikmati perlindungan peraturan-peraturan undang-undang khas serta bermastautin tetap di luar negara.

Semasa zaman awal kedatangan Islam, diplomasi dilaksanakan sebagai gantian kepada perperangan yang tercusus. Ia juga dijadikan sebagai perantaraan untuk menyampaikan mesej Islam sebelum perperangan bermula atau sebagai kaedah untuk bertukar-tukar tawanan perang selepas tamat pertempuran. Selain dari waktu perperangan, diplomasi juga dilakukan pada masa yang aman misalnya semasa peristiwa perjanjian yang ditandatangani oleh umat yang diwakili oleh Nabi Muhammad SAW dan penduduk Madinah

iaitu kaum Yahudi dan Nasrani.

Metode diplomasi merupakan salah satu cara untuk mengajak manusia untuk beriman kepada Allah SWT sekaligus menjadi salah satu daripada metode dakwah Rasulullah SAW. Selepas termeterainya Perjanjian Hudaibiyah dengan penduduk Mekah, Nabi Muhammad SAW telah menghantar enam orang diplomat Islam ke pelbagai negara bukan Islam seperti Rom, Parsi, Mesir, Ethiopia, Syria, Bahrain, Yaman dan Oman dengan mesej untuk berdakwah kepada mereka. Penghantaran mesej kepada kerajaan luar dari negara Madinah merupakan titik permulaan hubungan luar negara Islam dengan negara bukan Islam.

Diplomasi Islam menurut Afzal Iqbal (2000) adalah merupakan sarana untuk mencapai tujuan dan sesuatu yang bersih serta jujur. Tambahan lagi, diplomasi selalunya bertujuan untuk mencari jalan persetujuan tetapi mencapai persefahaman demi kedamaian adalah lebih diutamakan. Terdapat di dalam al Quran, ayat-ayat yang menerangkan cara terbaik untuk mengajak manusia beriman kepada jalan Allah dengan menggunakan hikmah, nasihat dan berbincang/berdialog dengan baik.

*"Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah, nasihat yang baik dan berdialoglah bersama mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk".* (Surah An-Nahl: 125)

Berdialog atau berbincang di sini dapat difahami dengan mengaitkan kaedah diplomasi yang telah Nabi Muhammad SAW laksanakan. Selain itu, terdapat ayat lain yang menyebut, jika orang Islam diminta untuk berunding ketika berlaku perperangan, mereka hendaklah berunding dengan aman. *"Dan jika mereka condong kepada perdamaian, maka condonglah kepadanya dan bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Dialah yang Maha mendengar lagi Maha mengetahui".* (Surah Al-Anfal: 61)

## PENDEKATAN RASULULLAH SAW DALAM PELAKSANAAN HUBUNGAN DIPLOMATIK

Terdapat beberapa pendekatan dan elemen penting yang boleh dibincangkan berdasarkan amalan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW semasa menjalinkan hubungan diplomatik dengan wilayah-wilayah bukan Islam seperti Rom, Parsi, Oman, Bahrain dan lain-lain lagi. Antaranya dijelaskan seperti berikut:

### 1. Pemilihan Diplomat

Setiap calon diplomat yang dipilih oleh Nabi Muhammad SAW merupakan mereka yang benar-benar layak dan berkredibiliti membawa tanggungjawab dan cabaran yang besar untuk berhadapan dengan raja dan pemerintah yang bukan Islam sekaligus mengajak mereka untuk beriman kepada Allah SWT. Terdapat dua ciri penting yang perlu ada pada seorang diplomat iaitu pendidikan dan penampilan luaran. Pendidikan di sini merujuk kepada diplomat yang mempunyai latar belakang pendidikan dan pengetahuan yang layak diiktiraf oleh orang lain. Selain itu, diplomat haruslah memiliki kepintaran yang tinggi, mampu menangani perkara yang datang secara spontan, mampu berbahas dengan baik dan mempunyai keberanian menyempurnakan tugas yang diberikan. Penampilan luaran pula merujuk kepada memiliki nama yang indah, wajah yang tampan dan badan yang perkasa. Para raja dan pemerintah yang menerima diplomat dan mempunyai ciri yang dinyatakan di atas tidak akan berpaling muka ketika menerima kehadiran mereka. Dihyah bin Khalifa pernah dihantar menjadi diplomat

ke Rom. Semasa Dihyah bin Khalifa berada di Syam, dikatakan semua wanita yang mengasingkan diri daripada pandangan umum akan keluar dari rumah mereka semata-mata untuk menatap wajah tampan Dihyah bin Khalifa.

### 2. Pengutusan Surat

Surat atau warkah merupakan medium yang utama digunakan bagi menjayakan aktiviti diplomasi. Tujuan utama surat diutuskan adalah untuk mengajak raja-raja dan pemerintah agar mengikut ajaran Islam. Oleh kerana penulisan surat kepada raja dan pemerintah luar adalah urusan yang penting, sebuah diwan (jabatan) telah dibangunkan untuk menguruskan surat-surat rasmi dan dokumen diplomatik dengan fungsi menghantar surat dan menerima maklum balas daripada mereka. Ketika Nabi Muhammad SAW hendak menulis surat untuk diberikan kepada raja dan para pemerintah yang berada di luar kota Madinah, baginda telah dinasihati bahawa golongan bangsawan ini tidak akan menerima surat-surat yang tidak bercop mohor. Setelah Nabi Muhammad SAW mendengar perkhabaran tersebut maka baginda telah menggunakan mohor yang diperbuat dari perak dan diukir di atasnya lafadz "Muhammad Rasulullah". Pada setiap pendahuluan warkah yang diutuskan, terdapat perbezaan dalam penyebutan sapaan terhadap penerima warkah. Nabi Muhammad SAW memulakan interaksi dengan memberikan sapaan penghormatan sesuai dengan budaya para raja dan pemerintah dengan menyebut kemuliaan mereka yang kebanyakannya merupakan raja dan pemerintah dari Rom, Parsi, Abyssinia (Habsyah) dan Mesir. Bagi raja-raja berbangsa Arab pula, Nabi Muhammad SAW tidak menyebutkan sapaan penghormatan, sebaliknya cukup dengan menyebut nama secara langsung disertai dengan nama ayah mereka dan ini berkait rapat dengan norma kebudayaan bangsa Arab.

### 3. Menerima dan Memberi Hadiah

Telah direkodkan bahawa Nabi Muhammad SAW telah menyediakan tempat khas di salah satu bahagian masjidnya yang dinamakan *Ustuwanaat Al Wufuud* iaitu tiang para diplomat yang mana di bahagian ini dijadikan tempat untuk menerima rombongan yang datang dari luar kota Madinah. Selain itu, galakan memberi hadiah adalah amalan yang dianjurkan oleh Islam. Nabi Muhammad SAW adalah sebaik-baik tauladan kerana sehingga hampir waktu kewafatannya, baginda masih mengingatkan para sahabat untuk memberi hadiah kepada delegasi yang datang sebagaimana yang telah dibuat oleh Rasulullah sebelum itu. Nabi Muhammad SAW turut menerima pemberian hadiah daripada kalangan raja dan pemerintah negara luar seperti dari Parsi dan Rom.

### 4. Menguasai Bahasa Asing

Penguasaan bahasa asing adalah antara kriteria utama seorang diplomat dan ianya penting kepada kedua-dua belah pihak bagi memahami maksud yang hendak disampaikan. Maka kefasihan menguasai bahasa asing adalah sesuatu yang kritikal dan tidak boleh dipertikaikan lagi. Nabi Muhammad SAW telah mengarahkan Zaid bin Thabit untuk belajar Bahasa Ibrani (Yahudi) kerana Nabi Muhammad SAW tidak mempercayai tulisan yang ditulis oleh orang Yahudi. Oleh kerana itu, perlunya seseorang untuk menguasai bahasa asing untuk penyampaian mesej yang jelas dan terhindar daripada sebarang tipu daya. Zaid bin Thabit terkenal dalam kalangan para sahabat sebagai seorang yang pakar dalam menguasai bahasa Parsi, Rom, Abyssinia (Habsyah) dan Koptik.

## **5. Kekebalan (Immunities)**

Kekebalan bermaksud pengecualian daripada bidang kuasa tempatan yang dinikmati oleh diplomat dalam melaksanakan tugas mereka serta menjaga maruah mereka sebagai orang yang mewakili pemerintahan atau kerajaan yang menghantar. Jika ditelusuri sejarah yang lalu, kekebalan diplomat telah diakui dalam kebanyakan tamadun yang lalu. Fungsi mereka adalah menyampaikan berita atau maklumat serta mengekalkan hubungan antara negara termasuklah memberikan perlindungan tempat atau keselamatan sepanjang perjalanan para diplomat. Walau bagaimanapun, empayar besar seperti China, India dan Mediteranian yang memiliki kuasa yang besar memperlihatkan penurunan perlindungan kepada para diplomat. Di zaman Rasulullah SAW, tiada seorang pun dalam kalangan diplomat yang telah dihantar dan kemudiannya dibunuhi atau dipenjara. Mereka bahkan kembali dengan keadaan yang baik dan membawa pesanan daripada pemerintah dan raja yang telah mereka temui. Walaupun terdapat dua maklum balas pemerintah yang diterima adalah kasar tetapi selebihnya adalah lebih bersikap lemah lembut. Ayat 6 daripada surah at-Taubah merupakan dalil yang menguatkan lagi konsep imuniti dalam Islam. Apabila seorang musyrikin meminta perlindungan (imuniti), umat Islam perlu memenuhi permintaannya supaya dengan kelakuan ini mereka akan tertarik dengan ayat Allah SWT.

## **PENUTUP**

Diplomasi yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad SAW memperlihatkan keunggulan yang ideal dalam sejarah diplomasi manusia dan menjadi sangat signifikan kerana ia berlaku pada kurun ke-7 di mana Tanah Arab sebelum kedatangan Islam berada dalam ketidakadilan, penganiayaan dan masalah sosial yang teruk. Manakala empayar Rom pula, berhadapan dengan keadaan yang mundur, peperangan dan pelbagai masalah lagi. Di tengah-tengah keadaan manusia yang memiliki tahap yang rendah dalam pemikiran, pengurusan, pentadbiran serta undang-undang dan peraturan yang berat sebelah, Islam muncul melalui utusan yang diutuskan Allah SWT iaitu Nabi Muhammad SAW. Nabi Muhammad SAW bukan sahaja mengubah pegangan manusia bahkan berlakunya perubahan yang besar dalam pelbagai aspek kehidupan ke arah yang lebih teratur, adil dan saksama, kebebasan dan perlindungan. Aspek diplomasi yang dibincangkan dalam penulisan ini ingin merakamkan manifestasi ajaran Islam yang sentiasa menekankan prinsip keadilan serta memelihara persaudaraan dan persamaan manusia sejagat. Hal ini juga merupakan sebahagian daripada sumbangan baginda kepada politik negara yang menggambarkan kemurahan serta keunggulan Nabi Muhammad SAW sebagai seorang negarawan yang memiliki kebijaksanaan yang luar biasa.

## **RUJUKAN**

- Afzal Iqbal. 1992. *Diplomacy In Early Islam*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.
- Bijan Bidibad. 2012. Diplomacy Principles: An Islamic Sufi. Article in International Journal of Law and Management. <http://www.researchgate.net/publication/235321904>
- G.R. Berridge, Maurice Keens-Soper dan T.G. Otte. 2001. *Diplomatic Theory from Machiavelli to Kissinger*. Great Britain: Palgrave Macmillan.
- Husain Jaeez al Mutairi. 2015. Origin and Development of Diplomatic Immunities in Islam and International Laws. Proceeding – Kuala Lumpur International Business, Economics and Law Conference 6. Vol. 4. April 18 – 19, 2015. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Mahmoud Yousefvand. 2012. Diplomatic Negotiations from Islamic Point of View. 2(1), 309 – 317.
- Majid Khadduri. 1962, *War and Peace in the Law of Islam*. Oxford University Press: London.
- Muhammad Basheer Adisa Ismail. 2012. *Islamic Diplomatic Law and International Diplomatic Law; A Quest for Compatibility*. Tesis Ph.D. University of Hull.
- Muhammad Husain Haekal. 2008. *Sejarah Hidup Muhammad*. Jakarta: Indonesia. Ter. Ali Audah
- Sofiyyur Rahman Al-Mubarakfuri. 2005. *Al-Raheeq Al-Makhtum* Terj. Selangor: Pustaka Buku Putih
- Ubaidillah. 2018. *Bahasa Diplomasi Nabi Muhammad SAW*. ALFAZ (Arabic Literature for Academic Zealots). Vol. 6, No. 2.
- Wang Yong Bao @Ahmed Musa Diplomacy. 2009. *Theory and Practice in Islam*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press.
- Watt, Montgomery, 1959. *Muhammad at Medina*. Oxford at The Clarendon Press London.

# **Mahasiswa perlu lebih berintegriti sewaktu sesi ODL**

Oleh:

**Nur Izzatie Binti Mohd Shair**

Exco Pembangunan Mahasiswa, Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban Sesi 2021/2022

**Nurul Nisha Binti Mohd Shah**

Ketua Unit Kepimpinan Pelajar, UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Perubahan mendadak situasi pembelajaran daripada bersemuka kepada pendidikan terbuka dan jarak jauh (ODL) berikutan pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang besar dan mendalam terhadap pelajar sekolah dan mahasiswa universiti seluruh dunia. Situasi ini telah memberi banyak cabaran kepada mahasiswa seperti tidak begitu memahami apa yang telah diajarkan oleh pensyarah, terbeban dengan tugas kursus yang banyak serta keadaan mental yang tidak begitu baik ketika era COVID-19.

Keadaan ini secara tidak langsung telah menyebabkan berlaku peningkatan terhadap masalah berkaitan integriti pelajar. Antaranya ialah isu menipu, plagiat, rekaan dan memberikan maklumat palsu yang telah banyak dilakukan oleh mahasiswa ketika menyiapkan tugas tersebut. Alasan seperti tidak mempunyai masa yang cukup, tarikh penghantaran tugas yang terlalu hampir dan keadaan diri yang tidak terlalu bersedia untuk belajar secara dalam talian telah membuat segelintir mahasiswa ini mengambil jalan mudah untuk melakukan kesalahan-kesalahan penulisan akademik tersebut. Bagi konteks penulisan akademik, kesalahan ini adalah serius kerana mahasiswa sepatutnya bersikap jujur dan berintegriti sepanjang bergelar pelajar dan lebih memiliki sikap berdaya saing secara sihat tanpa melakukan perkara yang tidak beretika ini.

Berdasarkan kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, perkataan integriti dapat diertikan sebagai kejujuran, ketulusan, kesempurnaan dan keutuhan. Oleh itu, dapat kita simpulkan bahawa sifat integriti ini mencerminkan jati diri seseorang yang sentiasa berpegang pada prinsip-prinsip nilai hidup yang baik seperti ikhlas, amanah, benar dan boleh dipercayai.

Ternyata, sifat integriti ini tidak hanya tertakluk kepada mereka yang sudah bekerja sahaja tetapi mahasiswa juga tidak terkecuali daripada mempraktikkan sikap ini sejak di bangku sekolah lagi. Sifat integriti merangkumi sifat jujur, amanah, bertanggungjawab, adil dan sebagainya ketika membuat sesuatu perkara. Penerapan dan pengamalan nilai integriti ini perlulah bermula dari kecil lagi bak kata pepatah Melayu, melentur buluh biarlah dari rebungnya, supaya masalah pecah amanah, penyalahgunaan kuasa dan perbuatan yang melanggar etika tidak terjadi pada masa hadapan ketika mahasiswa ini telahpun bergelar pekerja ataupun pemimpin.

Melihatkan keadaan semasa mahasiswa yang terkesan dengan ODL dan pandemik COVID-19 ini telah serba sedikit menghakis nilai integriti dalam diri mahasiswa. Walaupun begitu, untuk memastikan keberkesanan sesi ODL, para

mahasiswa haruslah berganding bahu membantu mahasiswa yang lain terutama sekali rakan sekelas ataupun pihak yang hampir dengan mereka. Para pensyarah dan pelajar juga seharusnya mempunyai tahap persefahaman yang tinggi dan mempunyai perasaan ‘saling menjaga’ agar nama baik institusi akan kekal terpelihara daripada tohmahan masyarakat sekeliling. Hal ini seterusnya dapat mempertahankan nilai keilmuan daripada dipandang rendah oleh masyarakat.

Nilai integriti yang dipupuk dan diamalkan dalam kalangan mahasiswa hendaklah sentiasa disemai dengan rapi dan baik agar terus diperlakukan dengan baik oleh para mahasiswa. Jika ada dalam kalangan mahasiswa yang melakukan kesalahan, mereka perlulah diingatkan, dinasihatkan dan ditegur dengan cara yang baik dan berhemah. Realitinya, waktu pembelajaran di universiti adalah masa terbaik untuk mendidik diri agar menjadi manusia yang beretika, bertanggungjawab dan berdikari agar mahasiswa itu sendiri mempersiapkan dirinya menghadapi situasi pekerjaan yang lebih mencabar selepas tamat pengajian.

Nilai integriti ini juga dapat menjadikan mahasiswa sebagai orang yang boleh diharapkan sebagai pelapis kepada pemimpin negara pada masa akan datang. Hal ini kerana skop, perspektif dan kuasa yang dimiliki adalah lebih besar dan berat untuk dijaga di mana tanpa pegangan dan nilai integriti yang tinggi dalam diri akan menyebabkan mereka menjadi seorang pemimpin yang zalim dalam kepimpinannya.

Secara keseluruhannya, penghayatan nilai integriti dalam kalangan mahasiswa dapat meningkatkan keberkesanan ODL di mana kerja kursus serta tugas yang disiapkan bukanlah semata-mata hanya untuk mendapatkan segulung diploma ataupun ijazah tetapi ia menjadi satu cara pendidikan untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam diri mahasiswa itu sendiri. Pengalaman menjadi seorang mahasiswa ini adalah sangat berharga kerana pada ketika inilah kita mengenali rakan-rakan susah senang untuk berjaya dalam akademik bersama-sama. Golongan mahasiswa juga mestilah berfikiran terbuka, optimis dan mempunyai kesungguhan untuk menjadi mahasiswa yang berkualiti dan memiliki hati yang murni dan baik. Sehubungan dengan itu, nilai integriti perlu diberi perhatian dan keutamaan oleh pihak yang bertanggungjawab untuk mengukuhkan lagi golongan pelajar dan mahasiswa ini melalui sistem pendidikan yang sentiasa diperbaiki serta diperhalusi cara penyampaiannya agar lebih efektif dan efisien dalam mencapai matlamat negara melahirkan golongan intelektual yang terbaik.

# Sumbangan SYEIKH TAHIR JALALUDDIN dalam reformasi Islam di Malaysia

Oleh: Mohd Hidayat Bin Mahadi

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari. UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Muhammad Tahir bin Shaykh Muhammad atau dikenali sebagai Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki (1869-1956) dilahirkan pada hari Selasa, 7 November 1869 di Kota Tua Empat Angkat, Bukit Tinggi, Barat Sumatera. Beliau telah dilahirkan dalam keluarga Minangkabau yang kuat tradisi ajaran Islamnya dan juga kepimpinan. Datuk beliau dikenali sebagai Tuanku Nan Tua. Beliau merupakan seorang Minangkabau yang sangat alim dan bertugas sebagai seorang guru agama. Dilahirkan sebagai seorang yatim piatu, beliau telah dibawa dan dibesarkan oleh makciknya sehingga beliau dihantar untuk belajar di kota Mekah pada tahun 1881.

Ketika di kota Mekah, beliau telah tinggal di sana selama 12 tahun bersama saudaranya yang dikenali sebagai Syeikh Ahmad al-Khatib, guru agama dalam kalangan komuniti Melayu di Kepulauan Melayu. Pada tahun 1894, beliau telah meneruskan pengajiannya dalam bidang pengajian Islam di Universiti al-Azhar, Kaherah. Ketika inilah beliau telah mendapat pendedahan berkenaan dengan Syeikh Muhammad Abduh seorang reformis. Beliau turut menjalin hubungan persahabatan dengan Syeikh Muhammad Rasyid Rida, iaitu seorang editor majalah reformasi *al-Manar*. Setelah bergraduasi dari Universiti al-Azhar pada tahun 1897, beliau telah kembali ke Mekah untuk membantu Syeikh Ahmad al-Khatib mengajar para pelajar Melayu Indonesia. Dalam kebanyakan pelajar tersebut, beberapa orang pelajar muda berketurunan Minangkabau iaitu Jamil Djambek, Karim Amrullah dan juga Abdullah Ahmad yang kemudiannya menjadi ahli reformasi Islam yang terkemuka di tanah air mereka.

Pada tahun 1899, Syeikh Tahir kembali ke Kepulauan Melayu setelah menghabiskan masa yang lama tinggal di Timur Tengah. Pada tahun 1901, beliau telah berkahwin dengan Aishah Haji Mustafa di Perak dan pada tahun 1906, beliau mengambil keputusan untuk bermastautin di Malaya. Sejak tahun 1903 hingga 1905, beliau telah mengembara ke pelbagai tempat di alam Melayu seperti Bali, Jawa, Sembawa, Celebes dan juga Timur Tengah.


Suatu ketika negeri di Tanah Melayu secara majoritinya mengamalkan pengajaran agama Islam dengan cara tradisional di mana pengajar agama dipanggil sebagai ulama (ulama Kaum Tua). Kaedah pendidikan pula adalah secara sekolah pondok. Keadaan ini telah menyukarkan transformasi dalam bidang pendidikan untuk dilaksanakan. Bagaimanapun Syeikh Tahir mendapat pengecualian dalam isu ini apabila beliau sendiri memegang jawatan dalam pentadbiran awam di Perak dan di Johor. Beliau dan juga rakan seangkatan beliau telah menerbitkan majalah *al-Imam* pada tahun 1906 bagi mempromosikan idea reformasi. Setelah menyumbangkan hayatnya dalam memperjuangkan gerakan reformis, Syeikh Tahir akhirnya meninggal dunia di Kuala Kangsar Perak pada tahun 1956.

Pada abad ke 18, perkembangan sistem pendidikan Islam di Tanah Melayu berlaku secara tidak formal sama ada di istana, rumah, masjid atau surau. Ilmu-ilmu tersebut diajar dengan ruangan yang sempit serta tidak mampu untuk menampung bilangan pelajar yang ramai

dalam tempoh satu-satu masa, terutamanya untuk mereka yang datang dari jauh. Apabila Syeikh Tahir pulang ke Malaya pada tahun 1899, beliau telah cuba melakukan reformasi terhadap sistem pendidikan tradisional tersebut. Pada ketika itu, graduan dari Timur Tengah termasuk Syeikh Tahir cuba memperkenalkan sistem pendidikan madrasah, berbanding sistem tradisional. Syeikh Tahir telah membuat perubahan dalam sistem pendidikan Malaya seperti memperkenalkan sistem peperiksaan, menambah subjek pendidikan Inggeris, matematik, dan juga sains. Pada tahun 1914, beliau mula mengajar dan menjadi nazir sekolah-sekolah agama di daerah Muar dan juga Batu Pahat, Johor.

Syeikh Tahir juga dikenali sebagai golongan intelektual pengajian Islam, di mana ideanya adalah bercirikan ciri-ciri reformisme salafi dan juga aliran mazhab pengajian tradisional khususnya dalam amalan syariah Islam. Idea salafi beliau berasal dari negara Timur Tengah. Idea beliau ini dibawa ke Malaya untuk mengeluarkan Melayu Muslim yang pada ketika itu berada dalam keadaan terkebelakang jika dibandingkan dengan umat Islam dari lain-lain tempat. Ketika inilah golongan yang menyokong dan mempromosikan idea beliau di Malaya digelar sebagai Ulama Kaum Muda.

Sebagai satu tindak balas kepada perundangan syariah golongan bermazhab Syafie tradisional, di mana sebahagiannya tidak memenuhi kehendak sebagai sumber utama perundangan Islam, Syeikh Tahir telah menerbitkan satu risalah dalam hasil sumbangan terbesar beliau iaitu Risalah Penebasan Bidah di Kepala Batas. Dalam risalah ini, beliau telah mempersoalkan beberapa isu yang dibawakan oleh ulama tradisional dalam perkara yang berkaitan dengan ibadah Muslim. Hasil penulisan ini diterbitkan sebagai satu tindak balas kepada satu polemik agama yang berlaku pada tahun 1952 di Kepala Batas, Pulau Pinang di mana ianya menerangkan tafsirannya terhadap erti inovasi reformis Islam yang dibawa olehnya. Syeikh Tahir juga telah terlibat dalam satu polemik dengan ulama tradisional yang terkenal iaitu Haji Bakar, berkaitan dengan isu keharusan solat sebelum solat Jumaat. Polemik ini telah menghasilkan terbitan sebuah buku yang bertajuk "Ini Huraian yang Membakar: pada Menyatakan



Hukum Dua Rakaat *Qabliyah Jumaat*". Beliau telah membantah pernyataan Haji Bakar di dalam buku ini dengan menyatakan bahawa solat sedemikian adalah tidak jelas hukumnya di dalam sumber syariah Islam yang autoriti. Tetapi ianya lebih kepada suatu inovasi. Buku ini telah diterjemahkan dan diterbitkan sebagai *Kitab Taid Muttabi' al-Sunnah fi al-radd ala al-Qail bi Sunniyah al-Rakātīn qabla al-Jumāt*. Dalam tindak balas Syeikh Tahir terhadap gerakan Ahmadiyyah, beliau telah menerbitkan Perisai Qadiani di mana beliau telah menyatakan yang aliran Ahmadiyyah sebagai suatu yang bidāh.

Hasil sumbangan awal Syeikh Tahir juga meliputi *Natijat al-Jalaliyyah* di mana kalender Islam dan kalender almanak telah diterbitkan pada tahun 1925. Kitab berkaitan dengan tajwid iaitu *Ithaf al-Murid fi Ilm al-Tajwid* juga telah dihasilkan oleh beliau. Kitab ini diterbitkan oleh Maktabah al-Jamiliyyah, Johor pada tahun 1928. Ianya telah digunakan secara meluas sebagai buku rujukan bagi pelajar Islam di sekolah agama.

Pada tahun 1936, beliau turut menerbitkan buku yang bertajuk *Natijat al-Ummi li Ma'rifat al-Awqat al-Khamsah* di mana buku ini menjadi rujukan kepada orang Islam untuk memahami keperluan menunaikan solat lima waktu sehari semalam. Antara hasil karya lain beliau juga ialah Pati Kiraan pada Menentukan Waktu yang Lima dan Hal Qiblat dengan Logaritma, di mana karya ini telah diterbitkan di Singapura pada tahun 1938 oleh al-Ahmadiyyah Press. Karya beliau ini lebih menyumbang kepada bidang ilmu falak. Beliau merupakan orang alim yang pertama di Malaya menggunakan logaritma dalam kiraan kalender Islam. Beliau telah mempelajari ilmu falak ketika beliau menuntut ilmu di Mekah dan Kaherah.

Daripada semua yang ditunjukkan, hasil sumbangan terbesar Syeikh Tahir dalam disiplin ilmu ialah penghasilan "Risalah Inovasi". Salah satu aspek pemikiran Islam Syeikh Tahir yang diamalkan ialah sumber yang autentik dalam setiap amalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat baginda. Syeikh Tahir menjadi lebih berhati-hati terhadap jurang yang ditemui dalam amalan Islam di Malaya, dan juga dari apa yang beliau belajar dan amalkan di sepanjang pengalaman beliau sendiri. Daripada segala hasil karya dan sumbangan beliau, jelas menunjukkan kesungguhan dan kegigihan beliau dalam mengembalikan kemurnian amalan dan ibadah umat Malaya suatu ketika dahulu.

## KESIMPULAN

Syeikh Tahir terkenal sebagai seorang tokoh reformis Muslim yang paling berpengaruh pada generasinya. Salah satu prinsip yang terdapat dalam dakwahnya ialah penekanan menjaga kesucian dan pematuhan terhadap kemurnian Islam dalam

setiap aktiviti dakwah Islam. Untuk mengamalkan dan mempromosikan kesucian Islam, beliau telah menulis dan terlibat dalam perdebatan dengan golongan ulama tradisional, di mana beliau percaya bahawa golongan tersebut telah mengamalkan sesuatu yang menyimpang dari apa yang terdapat di dalam al-Quran dan as-Sunnah. Walaupun beliau menggunakan pendekatan salafi dalam perundungan Islam yang tidak mengikuti secara lengkap aliran mazhab Shafii, idea beliau ini menerima tantangan hebat daripada ulama tradisional.

Sumbangan lain beliau adalah dalam bidang astronomi khususnya sebagai seorang Muslim di Malaya. Beliau jugalah orang yang pertama menggunakan logaritma dalam perkiraan kalender Islam di Malaya. Sumbangan ini telah melayakkan beliau untuk digelar sebagai "Bapa astronomi Islam di Malaya". Apa yang menarik ialah perbahasan beliau dalam kitab tulisan beliau mendapat sokongan oleh Rasyid Ridha di Mesir, Syeikh Tantawi Jawhari, Syeikh Muhammad Ahmad al-Adawi dan ramai lagi. Syeikh Muhammad Tahir merupakan seorang tokoh ulama yang berwibawa dan mempunyai ilmu pengetahuan yang luas. Beliau juga seorang tokoh reformis Islam dunia Melayu yang dihormati dalam kalangan ulama serta masyarakat setempat di alam Melayu. Beliau dilihat berani menegakkan yang benar dan membongkar kebatilan sehingga pernah disisihkan oleh golongan istana dan bangsawan. Justeru, berdasarkan keilmuan beliau, keperibadian beliau telah melayakkan beliau untuk digelar sebagai seorang yang berprinsip Muslih pada zamannya. Polemik beliau dengan ulama tradisional menjadi satu pertentangan dan konflik yang diketahui oleh umum. Ianya perlulah dilihat dari sudut yang positif kerana senario tersebut telah menggalakkan percambahan pemikiran antara dua aliran pemikiran yang mendominasi pemikiran masyarakat pada masa tersebut.

## Rujukan

- Hafiz Zakariya. 2005. Islamic reform in Malaya: The contribution of Shaykh Tahir Jalaluddin. Intelectual Discourse. 13(1).
- Clive Christie. 1998. Southeast Asia in the Twentieth Century: a reader. New York: I. B Tauris.
- William R. Roff. 1967. The origins of Malay Nationalism. New Haven: Yale University Press.
- Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid & Mohd Puaad Abdul Malik. 2017. Analisis penulisan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin dalam kitab Ta'iyid Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah. Jurnal al-Tamaddun. 12(1).
- Kamarul Afendey Hamimi; Ibrahim Ahmad & Muhammad Iqbal Samadi. 2019. Syeikh Tahir Jalaluddin: reformis Pendidikan Islam dan penggerak kesedaran kemerdekaan Tanah Melayu 1899-1956. Tinta Artikulasi Ummah. 5(2).

# Generasi Muda Mendepani Cabaran COVID 19

Oleh: Mohd Hidayat Bin Mahadi

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan

**SEKRETARIAT SOLIDARITI RAKYAT (SSR)** baru-baru ini telah menggemparkan negara dengan penganjuran satu perhimpunan yang dikatakan bertujuan menyatakan solidariti mereka terhadap mangsa wabak Coronavirus (COVID-19). Namun, pihak penguasa Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil tindakan dengan mengenakan kompaun terhadap semua peserta yang terlibat berjumlah 31 orang, dengan jumlah denda sebanyak RM 2000 setiap seorang. Pihak polis menyatakan bahawa tindakan yang diambil adalah termaktub di bawah tiga akta iaitu Seksyen 9 Akta Perhimpunan Aman, Seksyen 21A Akta Pengawalan dan Pencegahan Penyakit Berjangkit 1985, serta Peraturan 10 Peraturan-peraturan Pengawalan dan Pencegahan Penyakit Berjangkit.

Menurut kenyataan media pada 25 Ogos 2021 lalu, SSR telah memaklumkan bahawa mereka berjaya mengumpul sumbangan sebanyak RM 92800 yang melibatkan transaksi dari 688 orang individu. Akhbar harian Kosmo juga melaporkan bahawa kesemua hasil kutipan sumbangan tersebut adalah bertujuan untuk membayar kompaun yang telah dikenakan oleh pihak polis terhadap semua peserta perhimpunan pada 19 Ogos 2021, yang mana jumlahnya adalah sebanyak RM 62000.

Terdapat beberapa senario yang boleh dibincangkan berdasarkan apa yang telah dilakukan oleh SSR. Antaranya, keadaan ini menunjukkan bahawa golongan muda Malaysia cakna akan situasi semasa yang berlaku di Malaysia. Hal ini merupakan satu petanda yang baik. Namun begitu, apa yang menggusarkan ialah tindakan perhimpunan yang dilakukan ternyata jelas melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan khususnya dalam usaha membasmi penularan wabak COVID-19. Sebagai rakyat Malaysia yang cintakan negara, adalah menjadi kewajipan kepada kita untuk mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan bagi membendung wabak COVID-19 daripada menular. Hakikatnya, hampir dua tahun Malaysia telah berusaha mencegah serta mengawal virus COVID-19 daripada menjadi lebih parah. Antaranya menerusi pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), perisyntihan darurat, penutupan sektor pendidikan, ekonomi dan pelancongan, program vaksinasi kebangsaan, larangan menyambut perayaan keagamaan dan lain-lain lagi. Setidak-tidaknya, jadilah warganegara yang bertanggungjawab dengan menyahut seruan kerajaan untuk tidak mengadakan perhimpunan di kala Perintah Kawalan Pergerakan sedang dikuatkuasakan.

Sememangnya hak asasi manusia menjadi topik perbualan utama iaitu menjadi hak setiap penduduk di Malaysia ini untuk menyuarakan pendapat dan pandangan dengan bebas. Hal ini termasuklah bagi mereka yang menyertai perhimpunan sebagaimana yang dinyatakan di atas. Namun, harus diingat bahawa negara Malaysia mempunyai undang-undang yang wajib diikuti oleh

segenap lapisan masyarakat. Walaupun hak kebebasan untuk bersuara dan berhimpun menjadi agenda, tetapi ia itu harus berlandaskan undang-undang dan peraturan semasa yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Keadaan yang berlaku ternyata menyimpang daripada apa yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan iaitu SOP Pelan Pemulihan Negara yang melarang apa jua bentuk perhimpunan dalam keadaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 1 sedang dilaksanakan, di negeri-negeri tertentu seperti Kuala Lumpur, negeri yang berlangsungnya perhimpunan anjuran SSR. Oleh itu, generasi muda harus lebih bijak dalam menyuarakan pandangan dan tidak mudah untuk terikut-ikut emosi, tuntutan sesetengah pihak yang menyuarakan pandangan melalui perhimpunan. Tambahan pula, perhimpunan dalam situasi pandemik COVID-19 akan lebih memudaratkan kesihatan awam.

Sebagai rakyat Malaysia yang bertamadun dan mempunyai etika yang tinggi, semua generasi termasuk generasi muda atau tua perlu patuh dan taat kepada setiap arahan yang telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan khususnya dalam usaha melawan wabak COVID-19. Usahlah kita membebani pihak petugas barisan hadapan (frontliners) yang bertungkus lumus siang dan malam semata-mata untuk menjaga ketenteraman dan kepatuhan masyarakat agar akur pada setiap arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan. Hakikatnya, tanggungjawab memerangi virus COVID-19 ialah tanggungjawab kita bersama. Tindakan yang bertentangan dengan arahan kerajaan sebagaimana yang telah berlaku dalam perhimpunan yang lalu wajar dijadikan sebagai teladan. Sebagai umat Islam pula, taat kepada pemerintah merupakan tanggungjawab kita sebagai seorang Muslim selagi mana ia tidak melanggar apa yang telah digariskan oleh hukum syarak. Malah, tanggungjawab kita sebagai rakyat Malaysia yang setia dengan kedaulatan undang-undang serta mengaplikasikan sifat sopan dan tatasusila sebagaimana yang disebutkan dalam Rukun Negara, kita harus membuktikan kesetiaan tersebut dengan patuh dan tunduk akan setiap arahan yang telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan.

Melalui kepimpinan baru negara di bawah pimpinan Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, diharapkan agar kepimpinan baru ini akan dapat menerajui negara dalam keadaan yang serba mencabar. Golongan muda sepatutnya memberikan sokongan yang penuh terhadap kepimpinan negara serta menunjukkan kematangan dalam memberi buah fikiran dan melakukan tindakan. Hakikatnya, sumbangan golongan muda dalam membangunkan negara dalam situasi pandemik COVID-19 ini amat diperlukan. Tenaga anak muda dalam aktiviti sukarela seperti di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) kepada golongan B40 atau kepada golongan yang mengibarkan bendera putih sebagai satu isyarat memerlukan bantuan bahan keperluan hidup, adalah sangat digalakkan. Dengan usaha seumpama ini sahaja yang dapat mengangkat martabat anak muda di mata pemimpin dalam atau pun luar negara. Segala tindakan yang nyata melanggar peraturan yang telah ditetapkan, bukan sahaja akan memberikan nama buruk kepada Malaysia di mata dunia, bahkan akan memberikan impak negatif kepada sosial dan pemikiran rakyat Malaysia sebagai sebuah negara yang beretika dan memiliki nilai kesopanan dan kesusilaan.